BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BHD.

lwn.

STAGHORN SDN. BHD. & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[PENGGULUNGAN SYARIKAT
NO. D1-28-7-1990]
1 JUN 1993

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: Permohonan untuk mengenepikan perintah penggulungan - Sama ada pemohon ada locus standi untuk memohon - Sama ada pemohon telah menunjukkan bahawa permohonannya ada merit - Sama ada ketidakpatuhan kepada syarat duluan dalam perjanjian boleh digunakan bagi tujuan mengenepikan perintah penggulungan.

AMALAN & PROSEDUR: Penghakiman ingkar - Mengandungi irregularity tentang faedah - Sama ada dapat diperbetulkan - A. 2 k. 1 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Sama ada terpakai bagi penghakiman ingkar.

Pempetisyen telah memberikan kemudahan overdraf kepada respondan dan atas kegagalan respondan membayar balik, telah mendapatkan penghakiman ingkar. Atas kegagalan respondan menjelaskan jumlah penghakiman, pempetisyen telah memasukkan petisyen untuk menggulung respondan dan respondan telah diperintahkan supaya digulungkan.

Pemohon sebagai pemegang saham dan pengarah respondan pertama telah memohon untuk mengenepikan perintah penggulungan atas beberapa alasan.

Diputuskan:

[1] Pemohon, walau dia memohon sebagai pemegang saham atau pengarah respondan pertama, tidak mempunyai *locus standi* untuk memohon untuk mengenepikan perintah penggulungan.

[2] Dakwaan pemohon bahawa oleh kerana terdapat catatan di dalam resolusi yang dikemukakan, yang merupakan satu daripada syarat-syarat prabayaran, tidak ada kontrak pinjaman di antara pempetisyen dan respodan tidak dapat diterima. Sekiranyapun pempetisyen atas sesuatu sebab mendapati bahawa resolusi itu tidak memuaskan, ia berhak untuk mengecualikan apa yang tidak memuaskan itu dan masih lagi menerima resolusi itu sebagai memenuhi syarat prabayaran itu.

[3] Penghakiman ingkar terhadap respondan walaupun mengandungi irregularity tentang faedah, telah diperolehi secara regular dan untuk diketepikan mestilah dikemukakan keterangan bahawa respondan ada pembelaan *prima facie*. Dalam kes ini tidak ditunjukkan bahawa respondan mempunyai pembelaan sedemikian terhadap tuntutan pempetisyen.

[Permohonan untuk mengenepikan perintah penggulungan ditolak dengan kos].

Kes-kes yang dirujuk:

Nationwide News Pty. Ltd. v. Samalot Enterprises Pty. Ltd. [1986] SC (NSW) 741 ***(dirujuk)***

Re Perusahaan Jenwatt Sdn. Bhd. [1990] 2 MLJ 178 ***(dibezakan)***

Sri Hartamas Development Sdn. Bhd. v. MBF Finance Bhd. [1992] 1 CLJ 637/[1992] 1 MLJ 313 ***(dirujuk)***

Re Yap Kim Kee & Sons Sdn. Bhd. [1990] 2 MLJ 108 ***(dibezakan)***

Syarikat Joo Seng & Anor. v. Habib Bank Ltd. [1986] 2 MLJ 129 ***(dirujuk)***

Anlaby & Ors. v. Praetorius [1888] 20 QBD 764 ***(dirujuk)***

Evans v. Bartlam [1937] AC 473 ***(diikuti)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Syarikat 1965, ss. 218(2)(a), 226(3) & 243(1)
Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1957, A. 70 k. 1
Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 2 k. 2, A. 19 k. 7(1)

Sumber-sumber lain yang dirujuk:

The Law of Company Liquidation oleh J.O'Donovan, edisi ketiga, m.s. 171

Bagi pihak pemohon - Yusuf Khan; T/n. Yusuf Lee Pathma & Marbeck
Bagi pihak pempetisyen - Abdul Razak; T/n. Razak Ibrahim & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Aziz bin Mohamad H:

Sebentar tadi saya sudahpun menyampaikan sebab-sebab mengapa, pada 16 September 1992, saya menolak permohonan pemohon di kandungan (23) untuk penggantungan semua prosiding berkenaan dengan penggulungan Staghorn Sdn. Bhd. ("Staghorn") (lihat [1993] 3 CLJ 361). Saya menolak permohonan itu kerana pemohon berkata dia mahukan penggantungan supaya dia dapat memohon untuk mengenepikan penghakiman ingkar pembelaan yang menjadi asas bagi perintah penggulungan itu, atas alasan bahawa penghakiman ingkar

itu tidak regular, tetapi, dari sebab-sebab yang dia berikan untuk berkata bahawa penghakiman itu tidak regular, saya tidak nampak ada kes untuk mengenepikan penghakiman itu. Saya berpendapat bahawa penghakiman itu adalah tidak regular hanya tentang kadar faedah atas amaun penghakiman, yang melebih 8% setahun, tetapi penghakiman itu tidak seharusnya diketepikan atas sebab itu oleh kerana kesilapan itu boleh diperbetulkan dengan pindaan tanpa apa-apa ketidakadilan kepada Staghorn. Dari keterangan yang dikemukakan melalui afidavit-afidavit berkaitan dengan permohonan itu, saya mendapati tidak ada merit dalam sebab-sebab lain yang pemohon kemukakan untuk mendakwa penghakiman itu tidak regular.

Melalui permohonan sekarang ini, iaitu kandungan (33), pemohon membuat cubaan sekali lagi untuk menyelamatkan Staghorn daripada penggulungan.

Permohonan itu mengandungi beberapa permintaan. Saya akan melupuskan permintaan (iii) dahulu, yang saya percaya adalah matlamat sebenar pemohon, iaitu permintaan supaya perintah menggulung Staghorn, yang dibuat pada 13 Jun 1991, diketepikan atau digantung (**stayed**). Tentang menggantung perintah itu, jika apa yang dimaksudkan ialah penggantungan di bawah s. 243(1) Akta Syarikat 1965, iaitu penggantungan prosiding berkenaan dengan penggulungan Staghorn, permintaan itu sudahpun dibuat, dan ditolak pada 16 September 1992, dan tidak layak dilayani lagi.

Tentang mengenepikan perintah penggulungan, saya berpendapat pemohon tidak ada *locus standi* untuk memohon. Malah adalah tidak jelas dalam kapasiti apakah pemohon memohon pengenepian perintah itu. Perenggan 1 afidavit sokongannya memperihalkan dirinya sebagai penyumbang atau pemegang saham Staghorn. Pihak yang layak memohon ialah Pegawai Penerima tetapi Pegawai Penerima tidak berminat untuk memohon, agaknya kerana beliau tidak nampak ada asas yang sah untuk memohon. Kalau pemohon hendak memohon sebagai pengarah bagi pihak Staghorn, pun tidak boleh, kerana, sebagaimana dikatakan di muka surat 171 buku **The Law of Company Liquidation** oleh J.O'Donovan, edisi ketiga,

> ... it seems to be universally accepted that in winding up by the Court the powers of the directors come to an end with the appointment of a permanent liquidator. Thereafter, the directors have no power to conduct proceedings on behalf of the company ...

Peguam bagi pemohon menyebut kes *Nationwide News Pty. Ltd. v. Samalot Enterprises Pty. Ltd.* [1986] SC (NSW) 741 sebagai autoriti bagi mengatakan bahawa pengarah-pengarah sesuatu syarikat yang telah diperintah supaya digulung menpunyai kuasa-kuasa bakian (**residuary powers**) tertentu. Tetapi hal-hal keadaan kes itu menunjukkan kuasa bakian itu tidaklah luas, tetapi diberi pengiktirafan untuk keperluan-keperluan tertentu. Dalam kes itu, syarikat pempetisyen memohon pengenepian perintah penggulungan, manakala pelikuidasi yang telah dilantik memohon bayaran kerana kerja yang dia telah jalankan. Syarikat yang berkenaan mempunyai kepentingan dalam kedua-dua permohonan, tetapi pelikuidasi tidak mungkin dapat mewakili syarikat itu dengan berkesan kerana, jika perintah penggulungan diketepikan, mungkin akan berbangkit percanggahan kepentingan di antara pelikuidasi dan syarikat itu berkaitan dengan bayaran saraan kepada pelikuidasi. Oleh sebab itu, Mahkamah telah memerintahkan supaya prosiding-prosiding yang berkenaan disampaikan kepada syarikat itu dengan cara yang akan membawanya kepada perhatian pengarah-pengarah syarikat itu.

Jika saya khilaf tentang *locus standi*, dari segi meritnya saya berpendapat tidaklah ada alasan yang sah bagi mengenepikan perintah penggulungan itu. Pemohon berkata bahawa notis di bawah seksyen 218(2)(a) Akta Syarikat 1965 yang mengasaskan perintah penggulungan itu adalah cacat kerana berasaskan penghakiman yang tidak regular. Maka perintah penggulungan tidak seharusnya dibuat dan patutlah diketepikan. Saya sudahpun memutuskan atas permohonan pemohon yang terdahulu itu bahawa penghakiman itu adalah regular kecuali tentang faedah.

Pemohon bergantung kepada kes *Re Perusahaan Jenwatt Sdn. Bhd.* [1990] 2 MLJ 178. Tetapi kes itu boleh dibezakan dengan kes ini. Pertama, kes itu bukan kes pengenepian perintah penggulungan tetapi pengenepian petisyen penggulungan. Kedua, dan yang lebih penting lagi, notis di bawah s. 218(2)(a) menuntut sebanyak RM295,584.46 sedangkan petisyen berkata amaun yang terhutang adalah RM29,584.46. Petisyen itu berasaskan kegagalan syarikat mematuhi notis tuntutan

itu. Zakaria Yatim H. telah mengenepikan petisyen itu. Pada fahaman saya, rasional keputusan beliau ialah bahawa, memandangkan amaun yang dituntut oleh notis itu adalah jauh lebih besar daripada amaun yang sebenarnya terhutang, kegagalan membayar amaun yang dituntut, iaitu RM295,584.46, tidak boleh membangkitkan anggapan ketidakmampuan membayar hutang RM29,584.46.

Tetapi rasional dalam kes itu tidak boleh dipakai bagi kes ini kerana keadaannya berlainan sama sekali. Dalam kes ini, amaun penghakiman ialah RM578,114.66 dengan faedah 10% setahun dari 1 Mac 1983. Amaun yang dituntut dalam notis seksyen 218(2)(a) juga sebanyak itu, dengan faedah yang serupa. Amaun yang dikatakan sebagai terhutang dalam petisyen adalah juga sebanyak itu, dengan faedah yang sama. Yang ketara ialah amaun RM578,114.66. Yang silapnya sedikit sahaja, iaitu faedah dari tarikh penghakiman - 27 April 1984 - sepatutnya 8% setahun. Staghorn tidak pernah membangkitkan perkara kesilapan itu. Kesilapan tentang faedah itu tidak ada efek terhadap kemampuan Staghorn menjelaskan hutangnya. Kegagalan Staghorn menjelaskan tuntutan itu, khususnya amaun yang ketara sebanyak RM578,114.60 itu, tidak mungkin dapat dikaitkan kepada apa-apa kekeliruan tentang amaun sebenar yang terhutang, tetapi adalah kerana Staghorn sebenarnya tidak berupaya menjelaskan hutangnya.

Mahkamah Agung, dalam merujuk kepada kes *Re Perusahaan Jenwatt Sdn. Bhd.* itu dalam kes *Sri Hartamas Development Sdn. Bhd. v. MBF Finance Bhd.* [1992] 1 MLJ 313, di muka surat 317 berkata:

> In that case, his Lordship held that the notice of demand had not complied strictly with the requirements of s. 218(2)(a) because the amount stated in the said notice was far in excess of the debt due and the failure on the part of the company to pay the sum claimed did not mean that the company was unable to pay its debts.

Tetapi kemudiannya di muka surat yang sama Mahkamah Agung nampaknya meletakkan kedudukannya secara lebih umum dan luas apabila ia berkata ia bersetuju dengan Zakaria Yatim H. "that a demand does not fall within s. 218(2)(a) of the Act if the amount demanded exceeds the sum actually due". Saya tidak yakin bahawa Mahkamah Agung, melalui pernyataannya yang terkemudian itu, bermaksud menurunkan, dari kes *Re Perusahaan Jenwatt Sdn. Bhd.* itu, yang keputusannya mempunyai rasional tertentu, suatu ketetapan mutlak untuk dipakai dalam semua keadaan tuntutan berlebihan. Saya mirip kepada menyangka bahawa pernyataan itu adalah semata-mata ringkasan, yang semestinyalah tidak lengkap, bagi apa yang diputuskan dalam kes itu.

Pemohon juga bergantung kepada satu lagi kes yang diputuskan oleh Zakaria Yatim H. sebelum kes *Re Perusahaan Jenwatt Sdn. Bhd.* itu, iaitu kes *Re Yap Kim Kee & Sons Sdn. Bhd.* [1990] 2 MLJ 108, juga kes pengenepian petisyen, bukan kes pengenepian perintah penggulungan. Kes itu boleh juga dibezakan dengan kes ini. Dalam kes itu, apa yang cuba hendak digunakan bagi mengasaskan anggapan tidak berupaya membayar hutang di bawah s. 218(2)(a) ialah notis yang tidak mematuhi syarat-syarat peruntukan itu kerana sebenarnya notis itu ialah notis menuntut bayaran sebelum memulakan tindakan sivil. Notis itu menuntut sebanyak RM232,000. Kemudiannya dalam tindakan sivil itu, atas suatu permohonan Aturan 14, plaintif telah diberi kebebasan memasukkan penghakiman bagi RM145,000. Petisyen penggulungan adalah berasaskan penghakiman sebanyak itu. Petisyen itu mendakwa syarikat yang berkenaan tidak mampu membayar hutangnya, iaitu RM145,000 kerana tidak membayar amaun sebanyak RM232,000 yang dituntut oleh notis itu. Dari segi tuntutan berlebihan, kes itu adalah agak sama sifatnya seperti kes *Re Perusahaan Jenwatt Bhd.* itu. Keadaan kes ini adalah berlainan sama sekali sebagaimana saya katakan tadi.

Sekarang saya pergi kepada permintaan (ii) pemohon, yang Peguam pemohon katakan adalah perlu hanya jika permintaan (iii) tidak diberi. Menurut Peguam bagi pemohon, tujuan permintaan (ii) ialah untuk membolehkan pemohon menentang bagi pihak Staghorn permohonan yang pempetisyen ("BBMB") akan membuat untuk meminda kadar faedah dalam penghakiman ingkar itu apabila permohonannya di bawah s. 226(3) Akta Syarikat 1965, yang difailkan pada 11 September 1992, untuk kebenaran membuat permohonan pindaan itu dibenarkan. Peguam BBMB menjelaskan bahawa tujuan permohonan

pindaan itu kelak bukanlah untuk membetulkan perintah penggulungan tetapi untuk membereskan bukti hutang (**proof of debt**) dalam penggulungan. Atas sebab-sebab *locus standi* yang sama seperti yang telah saya berikan tadi berkenaan dengan permintaan (iii), saya berpendapat permintaan (ii) tidak harus dibenarkan. Pihak yang berhak mewakili Staghorn dalam permohonan yang bakal dibuat itu ialah Pegawai Penerima, dan saya tidak nampak apa perlunya pemohon mengambilalih peranan Pegawai Penerima.

Oleh kerana, sebagaimana saya mendapat faham dari Peguam pemohon, permintaan (i) adalah sehaluan dengan (ii), apa yang saya telah katakan tadi tentang permintaan (ii) turut terpakai bagi permintaan (i).

Dalam afidavit pemohon yang menyokong permohonan ini, pemohon membangkitkan satu perkara yang tidak dibangkitkan dalam permohonannya yang dahulu.

Perkara baru itu adalah begini. Satu daripada syarat-syarat prabayaran, (**predisbursement conditions**) yang diletakkan oleh BBMB dalam surat kelulusannya bagi permohonan overdraf setakat RM150,000 itu ialah bahawa Staghorn mestilah menyerahkan kepada BBMB resolusi lembaga pengarahnya untuk memohon overdraf dari BBMB. Resolusi itu, yang bertarikh 6 Februari 1980, telah dikemukakan oleh Staghorn kepada BBMB melalui surat bertarikh 4 Mac 1980. Di atas surat itu, yang dieksibitkan kepada afidavit pembetulan pemohon yang diikrarkan pada 7 Disember 1992, terdapat catatan tulisan tangan "(to prepare a new one)" yang berupa sebagai merujuk kepada resolusi itu. Selepas catatan itu terdapat apa yang berupa sebagai nama orang yang kepadanya catatan itu ditujukan, iaitu "En. Megat" dan tandatangan ringkas pembuat catatan itu serta tarikh 13 Mac 1980. Pemohon berkata bahawa catatan itu dibuat oleh pihak BBMB dan bermakna bahawa resolusi itu tidak mematuhi syarat prabayaran mengenainya. Oleh yang demikian, menurut pemohon, syarat duluan (**condition precedent**) yang berasaskannya tawaran overdraf oleh BBMB itu telah dibuat, telah tidak dipenuhi dan, oleh kerana itu, tidak ada perjanjian pinjaman di antara BBMB dan Staghorn.

Pada pendapat saya adalah tidak betul membuat kesimpulan bahawa catatan itu bererti bahawa resolusi itu tidak dapat diterima oleh BBMB sebagai memenuhi syarat prabayaran yang berkenaan. Hal-hal keadaan sebenarnya dalam mana catatan itu dibuat tidak diketahui. Sekiranya resolusi itu tidak dapat diterima oleh BBMB, BBMB tidak akan membenarkan penggunaan overdraf itu. Sekiranyapun BBMB, atas sesuatu sebab, mendapati bahawa resolusi itu tidak memuaskan, BBMB berhak untuk mengecualikan apa yang tidak memuaskan itu dan masih lagi menerima resolusi itu sebagai memenuhi syarat prabayaran itu. Oleh yang demikian saya menolak dakwaan pemohon bahawa, atas sebab itu, tidak ada kontrak pinjaman di antara BBMB dan Staghorn.

Dari perenggan 13 dan 14 afidavit pemohon yang menyokong permohonannya, nampaknya tujuan pemohon membangkitkan perkara itu sekarang bukanlah untuk menidakkan keberhutangan Staghorn kepada BBMB atas RM150,000 itu tetapi untuk menafikan liabiliti pemohon sendiri sebagai penjamin untuk overdraf itu. Selain daripada perkara itu tidak ada merit, di sini bukanlah tempatnya bagi pemohon menyelesaikan masalah liabilitinya sebagai penjamin. Dalam prosiding lain dia sudahpun gagal dalam cubaannya untuk mengenepikan penghakiman ingkar terhadapnya, dia telah merayu terhadap keputusan yang berkenaan dan rayuannya masih menunggu pendengaran oleh Hakim lain.

Dalam permohonan ini, **irregularity** penghakiman ingkar itu dan soal meminda kesilapan tentang faedah itu di bawah Aturan 2, kaedah 1 telah dibangkitkan sekali lagi. Saya sudahpun melupuskan soal-soal itu dalam alasan-alasan penghakiman yang saya telah sampaikan tadi bagi permohonan pemohon yang dahulu itu, dan saya tidak perlu meninjau soal-soal itu sekali lagi. Pandangan dan keputusan saya kekal sebagaimana yang telah disampaikan itu. Walaubagaimanapun, saya ingin menambah ulasan yang berikut.

Bagi menyokong pendirian pemohon bahawa penghakiman ingkar terhadap Staghorn patut diketepikan, dan tidak boleh diperbetulkan di bawah Aturan 2, kaedah 1, Peguam bagi pemohon menyebut kes *Syarikat Joo Seng & Anor. v. Habib Bank Ltd.* [1986] 2 MLJ 129, suatu keputusan Mahkamah Agung, sebagai menetapkan bahawa Aturan 2, kaedah 1 itu tidak terpakai bagi penghakiman ingkar.

Dalam kes itu, yang terjatuh di bawah Aturan 19, kaedah 7(1), penghakiman ingkar pembelaan telah dimasukkan tanpa kebenaran Mahkamah, sebagaimana dikehendaki oleh peruntukan itu. Mahkamah Agung telah mengikut keputusan dalam kes *Anlaby & Ors. v. Praetorius* [1888] 20 QBD 764, yang menetapkan bahawa, jika plaintif telah mendapat penghakiman secara tidak regular, defendan berhak *ex debito justitiae* mendapat pengenepian penghakiman itu, dan bahawa penghakiman dalam kes itu, yang telah dimasukkan secara tidak regular, tanpa hak, tidak terjatuh di bawah peruntukan yang bersamaan dengan A. 70, k. 1, Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1957 yang telah digantikan oleh Aturan 2, kaedah 1 yang tersebut itu. Seah HMA., yang menyampaikan keputusan Mahkamah, membuat kesimpulan berikut:

> As the respondent had no right to enter a judgment in default of defence under Order 19 rule 7(1) without the leave of the Court or a Judge and adopting the construction laid down in *Anlaby's* case, we are perforced to hold that O. 2 r. 1 of the Rules of the High Court 1980 does not apply to a default judgment or one obtained contrary to Order 19 rule 7(1) thereof.

Jika kesimpulan itu dibaca tanpa mengkaji **reasoning** yang membawa kepadanya, memanglah akan difahami bahawa Mahkamah Agung memutuskan Aturan 2, kaedah 1 itu "**does not apply to a default judgment**", yakni sebarang penghakiman ingkar, tetapi, memandang kepada **reasoning**nya, saya berpendapat Mahkamah Agung tidak mungkin bermaksud sebarang penghakiman ingkar, tetapi hanya penghakiman ingkar yang diperolehi dengan cara yang tidak regular. Lagipun, sekiranya apa yang dimaksudkan ialah sebarang penghakiman ingkar, tentulah tidak perlu Seah HMA. menambah kata-kata "**or one obtained contrary to Order 19 rule 7(1) thereof**".

Penghakiman ingkar yang diperolehi secara tidak regular bukannya penghakiman ingkar yang mengandungi sesuatu **irregularity**. Penghakiman ingkar terhadap Staghorn, walaupun mengandungi **irregularity** tentang faedah, telah diperolehi secara regular, dan, untuk diketepikan, mestilah dikemukakan keterangan bahawa Staghorn ada pembelaan *prima facie* atau pembelaan yang ada merit: *Evans v. Bartlam* [1937] AC 473. Sebagaimana dapat dilihat dari alasan penghakiman saya atas permohonan pemohon yang terdahulu itu, Staghorn tidak mempunyai pembelaan sedemikian terhadap tuntutan BBMB.

Atas sebab-sebab yang saya telah berikan itu, saya menolak permohonan ini dengan kos.